

Newspaper	Berita Harian
Date	23/6/2014

5 Soalan

» Penerbangan Malaysia gagal manfaat kemudahan

Wartawan: Pilihan yang bagaimana sesuai untuk MAS dan apa kelemahan MAS ketika ini.

Tun Dr Mahathir: Saya ada idea tetapi saya bukan lagi Perdana Menteri. Pada zaman saya banyak yang sudah diwastakan. Malaysia tidak akan berkembang dan membangun seperti ini tanpa dasar penswastaaan. MAS sebagai entiti kerajaan hanya meningkatkan kos kepada kerajaan. Kerajaan tidak boleh terbabat dalam perniagaan kerana tugas kerajaan adalah mentadbir. Menguruskan perniagaan sangat berbeza dengan menguruskan negara kerana falsafah keduanya berbeza. MAS dikuasai Khazanah, bukan dimiliki mana-mana individu, jadi ia adalah milik kerajaan. Jika dijadikan syarikat persendirian, saya percaya pemilik akan berusaha dan memastikan mereka mendapatkan keuntungan.

S: Adakah MAS mampu menjana keuntungan jika diuruskan secara berkesan.

J: MAS satu perniagaan berpotensi besar, namun ia tidak berasaskan komersial. Ada sesuatu yang tidak kena dalam MAS, misalnya, tengok saja perkhidmatan catering yang menyediakan makanan pada harga mahal kepada penumpang. Benda-benda sebegini kita kena ambil kira. Seperti kejuruteraan, MAS sepatutnya menjadikan ia lubuk keuntungan utama, tetapi ia tidak berlaku.

Kita lihat syarikat penyelenggaraan persendirian yang beroperasi di Subang seperti AIROD. Dengan modal sedikit, tetapi banyak pesawat dari luar negara mendapatkan perkhidmatan syarikat itu. Malah, Amerika Syarikat (AS) menghantar pesawat C130 kepada AIROD di Subang. Pesawat ini sangat canggih, tetapi AIROD boleh lakukan. Kenapa AIROD boleh buat, tetapi MAS tidak boleh? Satu lagi bidang yang penting kepada MAS adalah kargo. Menguruskan kargo kita perlu turun padang dan tidak menyerahkan ke-

Lebih baik jadi firma persendirian

BH - 23/6/2014

Penerbangan Malaysia (MAS) kini berada dalam kedudukan sukar untuk meneruskan kelangsungan operasi berikutan masalah kewangan serta sentimen lemah pengguna berikutan insiden MH370. Penganalisis dan pakar kewangan berkata, MAS mempunyai pilihan sama ada mengekalkan status penyenaaraiannya dengan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), dijadikan syarikat persendirian atau diisytihar muflis. Wartawan BH Kamarulzaidi Kamis, Rohaniza Idris dan Shahrizan Salian menemubual bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai pandangan beliau terhadap kemelut MAS.



"Dengan menjadikannya sebagai syarikat persendirian, MAS masih boleh menjadi syarikat penerbangan kebangsaan. Sekarang pun, MAS bukan hanya dipimpin orang tempatan saja, malah ada orang asing turut terbabit mengendalikan syarikat ini"

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

pada orang lain, ia tidak boleh begitu. Banyak rahsia syarikat berkaitan kargo dan ia tidak boleh serahkan kepada orang luar untuk melaksanakan operasinya. Saya nampak banyak benda boleh di buat dan banyak benda boleh diperbetulkan. Pengalaman saya dalam PROTON ketika jadi penasihat, tidak banyak yang saya ketahui di akar umbi, tetapi sekarang sebagai Pengerusi, baru saya nampak, tahu apa yang terjadi dan apa kesilapan yang sudah dibuat dan bagaimana cara mengatasinya.

S: Adakan Tun merasakan menjadikan MAS sebagai syarikat persendirian dengan pelupusan pegangan Kerajaan (Khazanah) adalah yang pa-

ling sesuai.

J: Saya percaya menjadikan syarikat persendirian adalah penyelesaian terbaik lebih-lebih lagi jika kita bawa masuk orang yang ada pengalaman dalam bidang ini menerajuinya.

S: Tidakkah langkah menjadikannya syarikat persendirian menyebabkan ia bertentangan dengan fungsi MAS sebagai syarikat penerbangan nasional.

J: Dengan menjadikannya sebagai syarikat persendirian, MAS masih boleh menjadi syarikat penerbangan kebangsaan. Sekarang pun, MAS bukan hanya dipimpin orang tempatan saja, malah ada orang asing turut terbabit mengendalikan syarikat ini.

S: Siapakah yang Tun nampak sesuai dan layak mengambil alih MAS jika ia mahu diwastakan. Perlukah orang tempatan atau orang luar boleh mengambilalihnya.

J: Saya tidak perlu memamakan sesiapa. Namun, saya percaya jika diwastakan, maka ramai yang akan menawarkan diri dan terpulang kepada kerajaan untuk menimbangkan sesiapa yang sesuai. Namun, pemilihan bukan terletak kepada tawaran yang tinggi kerana mungkin mereka tidak layak dan sesuai mengendalikannya. Saya berpendapat beri peluang kepada mereka yang ada pengalaman dan ada kepupayaan mengambilalih. Mereka ini sepatutnya diberikan peluang.